

Sejarah pengenalan sistem k-api di M'sia

Oleh AHMAD FUAD YAHAYA

IPOH — Percaya atau tidak, wabak penyakit lembu yang menyerang di sekitar tahun 1870-an merupakan salah satu sebab utama yang mendorong perkhidmatan keretapi diperkenalkan di negara Malaysia.

Seabad yang lalu, perkhidmatan keretapi pertama di negara itu bermula di antara Taiping, ibu negeri Perak ketika itu, dan Port Weld, Pusat Pengeluaran bijih timah terkenal di dunia dan juga sebuah pelabuhan utama.

Lokomotif yang menggunakan kuasa wap dari kelas A jenis 0-6-0 kepunyaan *Perak State Railways* mula digunakan dalam 1880-an. Ia digunakan untuk mengangkut barang-barang saja di antara kedua-dua tempat itu yang sejauh 12.8 km.

Jika tidak kerana penyakit lembu, sejarah keretapi negara itu mungkin melalui era yang berlainan.

Menurut catatan Arkib Negara, jalan-jalan di sekitar bandar Taiping dan Port Weld (kini dikenali sebagai Kuala Sepetang) penuh sesak dengan kereta lembu, iaitu sistem pengangkutan yang utama ketika itu.

Kesesakan itu dapat dibayangkan seperti kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur ketika ini.

Kereta lembu, yang diibaratkan seperti perkhidmatan kontena sekarang, digunakan untuk mengangkut barang-barang, terutama sekali bijih timah.

Apabila wabak penyakit lembu menyerang, banyak lembu yang mati. Wabak itu menyebabkan kadar sewa pengangkutan kereta lembu melambung tinggi kerana ada setengah-setengah pengusaha yang mengambil kesempatan mengambil kadar sewa mengikut sesuka hati mereka.

Pihak British yang menyedari kemungkinan lumpuhnya sistem pengangkutan kereta lembu itu telah mengambil langkah jangka panjang dengan memperkenalkan keretapi di negara ini, hanya selepas 60 tahun perkhidmatan keretapi pertama di dunia dilancarkan di antara Stockton dan Darlington di England.

Laluan Taiping-Port Weld dengan sendirinya menjadi pilihan utama perkhidmatan itu menganjurkan sumbangan besarnya kepada pertumbuhan ekonomi dan sumber kewangan penjajah ketika itu.



● MASA beredara, keretapi yang menggunakan tenaga dari kayu bakar tidak lagi digunakan... Salah sebuah keretapi Tanah Melayu yang menggunakan enjin yang digunakan pada masa ini — Gambar 1980.

Wabak sakit lembu sekitar 1870-an antara sebab yg mendorong pembentukannya

Menurut catatan *Perak State Railways*, kerja-kerja pembinaan yang dimulakan pada 1881 terpaksa menempuh berbagai kesukaran kerana kawasan laluan itu tidak rata dan berpaya.

Sejumlah besar tanah terpaksa diangkut dari tempat-tempat lain untuk menimbulkan paya-paya itu.

Pihak British terpaksa puluh membawa masuk jurutera-jurutera dari Sri Lanka (Ceylon) untuk projek pembinaan keretapi itu kerana ketidakaian tenaga mahir dari kalan-gan penduduk-penduduk dalam negeri.

Setelah lima tahun bertungkus-lumus membina, perkhidmatan keretapi pertama dapat dimulakan pada 1 Jun 1885.

Perkhidmatan itu disifatkan sebagai menguntungkan kerana dalam tempoh lima tahun pertama perkhidmatan tersebut bermula, lapan setengah peratus daripada modal yang dilaburkan dalam projek itu telah dapat dikutip semula, kos sebenar projek itu tidak pula dicatatkan.

Perkhidmatan keretapi itu juga telah dapat membantu pihak berkuasa membanteras kegiatan

lanun di sekitar Kuala Sepetang dengan lebih berkesan.

Lanun-lanun memang diketahui mengganas di sekitar perairan Kuala Sepetang. Mereka sering merompak hasil-hasil daripada aktiviti ekonomi yang menguntungkan dari Lembah Larut yang terkenal sebagai pusat timah rata dan berpaya.

Sejumlah besar tanah

terpaksa diangkut dari tempat-tempat lain untuk menimbulkan paya-paya itu.

Pihak British terpaksa

pula membawa masuk jurutera-jurutera dari Sri Lanka (Ceylon) untuk projek pembinaan keretapi itu kerana ketidakaian tenaga mahir dari kalan-gan penduduk-penduduk dalam negeri.

Setelah lima tahun

bertungkus-lumus membina,

perkhidmatan keretapi

pertama dapat dimulakan pada 1 Jun

1885.

Perkhidmatan itu disifatkan sebagai menguntungkan kerana dalam tempoh lima tahun pertama perkhidmatan tersebut bermula, lapan setengah peratus daripada modal yang dilaburkan dalam projek itu telah dapat dikutip semula, kos sebenar projek itu tidak pula dicatatkan.

Perkhidmatan keretapi

itu juga telah dapat membantu pihak berkuasa membanteras kegiatan

yak 626 buah gerobok cendu diangkut dengan dikenakan kadar bayaran istimewa iaitu 50 sen untuk setiap gerobok.

Dalam 1891, perkhidmatan penumpang keretapi bermula di situ apabila siapnya 14 buah gerabak penumpang dan Matang Road menjadi stesen per singgahan di tengah-tengah perjalanan itu.

Dalam tahun tersebut, purata 1,120 orang menaiki keretapi setiap hari beruang-alik di antara Taiping-Matang Road-Port Weld.

Menurut catatan pihak keretapi berkenaan, sejumlah 408,756 orang penumpang menaiki keretapi dalam 1891 dengan pendapatan \$40,561, satu jumlah yang lumayan ketika itu.

Sumber kewangan yang lumayan daripada perkhidmatan keretapi membolehkan kerajaan Perak merekodkan penerimaan pendapatan daripada perkhidmatan itu sebagai sumber hasil utama negeri mulai 1893.

Bagaimanapun, usaha untuk meluaskan rangkaian jalan keretapi di tempat-tempat lain di Perak tidak begitu pesat kerana kekurangan tenaga dan modal.

Dalam masa 18 tahun sehingga 1903, Perak hanya mempunyai landasan sejauh kira-kira 344 km termasuk landasan Tapah Road-Teluk Intan (Teluk Anson) dan Bidor-Tanjung Malim.

Dalam 1901, keretapi Perak bergabung dengan keretapi Selangor yang kemudiannya dikenali sebagai Keretapi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Enck C.E. Spooner dilantik sebagai pengurus besar dan ketua jurutera-nya yang pertama.

Bagaimanapun landasan Taiping-Port Weld kini tinggal sejarah sahaja kerana stesen di Port Weld hanya tinggal papan tanda seperti perubahan namanya menjadi Kuala Sepetang, manakala stesen di Taiping telah digantikan dengan yang baru.


Perancangan

Kawasan stesen asal, yang terletak kira-kira satu km daripada stesen sekarang, sudah diambil alih oleh Sekolah Rendah King Edward VII.

Daripada tarikh tersebut, perkhidmatan keretapi terus berkembang pesat dengan bertambahnya rangkaian landasan di seluruh negara.

Kini kerajaan sedang merancang landasan baru dari ibu negara ke Pantai Timur semenanjung melalui Kuantan ke Kuala Terengganu dan Kota Bharu.

Tetapi perancangan itu tidak ada kaitannya dengan wabak penyakit kuku dan mulut lembu/lerbau yang kini menyergap negeri-negeri di utara dan pantai timur itu. Ia memang telah dirancang selaras dengan pembangunan ekonomi dan sosial negara yang moden dan membangun. — Bernama.



Ruang-ruang Kedai Untuk Jualan

KEDAI UNTUK DIJUAL di daerah Hougang Estate Avenue 5. Tel: Selesam 2803313.

Restoran Ruangan Lounge

INDIAN RESTAURANT, DILENGKAP sepenuhnya di Pasir Panjang untuk perniagaan, sewa/jualan 7753972